

## **BAB TIGA**

### **LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN DAN**

### **PROFIL BAITUL MAL, ACEH**

#### **3.1 Pengenalan**

Provinsi<sup>1</sup> Aceh, yang sebelumnya dikenal sebagai Nanggroe Aceh Darussalam (NAD), terletak di hujung utara pulau Sumatera. Aceh dikelilingi oleh laluan perdagangan penting iaitu Selat Melaka di utara dan timur, wilayah Sumatera Utara di selatan, dan Samudera India di barat. Islam datang ke Aceh pada abad ke-9 dan menjadi agama yang paling dominan. Sekitar 98.7 peratus penduduk Aceh adalah beragama Islam.<sup>2</sup> Aceh adalah negeri yang merupakan satu kesatuan masyarakat yang bersifat istimewa dan diberi kuasa sistem pemerintahan yang khas untuk mentadbir dan mengurus sendiri urusan pemerintahan dan kepentingan masyarakat tempatan sesuai dengan peraturan perundang-undangan dalam sistem dan prinsip Negara Kesatuan Republik Indonesia iaitu berasaskan Undang-undang Dasar Negara Republik Indonesia Tahun 1945.<sup>3</sup> Oleh itu, bab ini akan menjelaskan mengenai latar belakang kawasan kajian yang dimulai dengan latar belakang wilayah Aceh yang mencakup sekilas pandang sejarah, letak dan luas, geografi, sungai dan iklim, pemerintahan, jumlah penduduk dan taraf pendidikan, kemiskinan dan keadaan sosial yang merangkumi, pengertian dan piawaian pengukuran kemiskinan, tingkat kemiskinan penduduk Aceh, tingkat pendapatan dan inflasi, serta sumber pendapatannya. Selain itu, penulis turut menjelaskan gambaran umum Baitul Mal Aceh (BMA) yang merangkumi latar

---

<sup>1</sup> Provinsi sebutan untuk wilayah di Indonesia.

<sup>2</sup> Badan Pusat Statistik (BPS) NAD (2004), “Aceh Dalam Angka 2004”. Banda Aceh: BPS. h. 30.

<sup>3</sup> Pemerintah Aceh (2007), *Kanun No. 10 tahun 2007 tentang Baitul Mal*, Bab 1 Ketentuan Umum, Fasal 1.

belakang, visi dan misi, serta program-program di BMA yang merangkumi program tahunan dan unggul. Kemudian pentadbiran zakat, penubuhan Unit Pengelolaan Zakat Produktif (UPZP), struktur organisasi BMA dan diakhiri dengan kesimpulan.

### **3.2 Latar Belakang Wilayah Aceh**

#### **3.2.1 Sekilas Pandang Sejarah**

Kerajaan Aceh telah ditubuhkan sejak permulaan abad ke-16 dan mula melonjak masyhur setelah penaklukan Melaka oleh bangsa Portugis pada tahun 1511. Zaman keemasan kerajaan ini bermula pada awal abad ke-17 di bawah pemerintahan Sultan Iskandar Muda, sehingga ketika itu Aceh menjadi salah satu kekuatan angkatan tentera dan perniagaan yang paling penting di kawasan ini.<sup>4</sup>

Pada tahun 1820, Aceh merupakan pembekal sebahagian daripada lada dunia. Kerajaan yang kuat dan kaya ini menjaga hubungan dengan kekuatan-kekuatan asing termasuk kerajaan Othman, Perancis, Inggris Raya dan Amerika Syarikat. Ketika Belanda mahu menguasai Aceh pada tahun 1874, rakyat Aceh memulakan gerila yang berterusan sampai tahun 1912<sup>5</sup>. Oleh kerana itu, Aceh tidak pernah diduduki oleh pihak penjajah sehingga Perang Dunia ke-II.<sup>6</sup>

Aceh telah memainkan peranan penting dalam memberikan sokongan dana kepada kerajaan Republik Indonesia semasa peperangan merebut kemerdekaan. Sebagai

---

<sup>4</sup> Aceh Forum (2006), “Sekilas Aceh.” <http://www.acehforum.or.id/archive/index.php/t-129.html>, 10 Julai 2010.

<sup>5</sup> *Ibid.*

<sup>6</sup> Hardi (1993), *Daerah Istimewa Aceh Latar Belakang Politik dan Masa Depannya*, c. 1. Jakarta: Cita Panca Serangkai, h. 21.

pengakuan atas peranannya bagi perjuangan kemerdekaan Indonesia, Aceh dijadikan kawasan berautonomi pada tahun 1949. Akhir pemerintahan Soekarno, kawasan ini mula bergolak. Pada tahun 1950, kawasan yang baru memperoleh status autonom ini dipecahkan ke bahagian wilayah Sumatera Utara.<sup>7</sup>

Kejadian ini telah menyebabkan meletusnya pemberontakan pertama Aceh yang dipimpin oleh Teungku Muhammad Daud Beureueh. Pemberontakan Aceh ini menyebabkan keazaman semula Aceh sebagai negeri (1957) dan status kawasan autonom pada tahun 1959. Namun autonom yang lebih besar tidak melindungi Aceh dari kemerosotan ekonomi pada tahun-tahun terakhir pemerintahan Presiden Soekarno.<sup>8</sup>

Kemudian Aceh berada di bawah pemerintahan Orde Baru,<sup>9</sup> dan keadaannya semakin buruk. Kekayaan sumber asli dimiliki oleh satu pihak dan kemiskinan yang berlanjut di pihak lain membuat rakyat Aceh semakin merasai diperlakukan tidak adil oleh kerajaan pusat. Kerajaan tidak memberikan perhatian atas ketidakseimbangan sosial dan ekonomi, dan suatu gerakan pemberontakan lain ditubuhkan di Aceh yang dikenal sebagai Gerakan Aceh Merdeka (GAM) dimulakan pada tahun 1976 di bawah kepemimpinan Teungku Hasan Muhammad Di Tiro. Pertentangan antara Kerajaan Indonesia dan GAM ini berlanjut sampai tahun 2005.<sup>10</sup>

Sebagai bahagian untuk menjawab perkembangan ini, di samping pemusat di tingkat nasional, Aceh memperolehi status autonom khusus berdasarkan Undang-undang

<sup>7</sup> T. A. Talsya (1978), *Kami Perkenalkan Kawasan Istimewa Aceh*. Banda Aceh: Sekretariat Daerah/Negeri Istimewa Aceh, h. 35.

<sup>8</sup> *Ibid.*

<sup>9</sup> Orde Baru adalah masa pemerintahan di bawah kepemimpinan Presiden Soeharto antara tahun 1966–1998.

<sup>10</sup> Aceh Forum (2006), *op. cit.*

Nombor 18 Tahun 2001. Undang-undang ini dimaksudkan untuk menjawab masalah-masalah penting yang berhubung kait dengan ketidaksetaraan dan keadaan ekonomi yang teruk di Aceh serta menawarkan pilihan autonom yang lebih besar kepada Aceh untuk mentadbir sumber asli dan fungsi-fungsi pemerintahannya. Tiga isi utama autonom khas Aceh adalah peruntukan pendapatan yang diperoleh dari minyak dan gas yang lebih besar, pemilihan langsung gabenor dan ketua kerajaan negeri, pemangku raja/wali Bandar (Bupati/Walikota)<sup>11</sup> dan penerapan Syariat Islam.

Memorandum kesefahaman (*Memorandum of Understanding* atau MoU) yang ditandatangani oleh pihak GAM dan Republik Indonesia pada 15 Ogos 2005 di Helsinki adalah usaha terbaru untuk menamatkan konflik selama 30 tahun ini. MoU ini menawarkan peluang yang sangat besar bagi rakyat Aceh untuk membaiki pulih ekonomi masyarakatnya, mencapai taraf hidup yang lebih baik, dan beralih menuju sistem pemerintahan yang baik. Isi utama dari persetujuan ini adalah bahawa Aceh diluluskan membentuk parti politik tempatan yang selari dengan peraturan di peringkat nasional.

Kerajaan pusat juga bersetuju untuk memberikan bahagian hasil yang lebih besar dari sumber asli dan peruntukan khas dari DAU (lihat Jadual 3.1). Undang-undang Nombor 11 Tahun 2006 yang menetapkan ketentuan ini dikuatkuasakan pada bulan Ogos 2006. Perkembangan pengaturan fiskal berdasarkan undang-undang yang lama dan yang baru boleh dilihat dalam Jadual 3.2.<sup>12</sup>

---

<sup>11</sup> Ini diposisikan sebagai pemilihan raya langsung pertama pada tingkat wilayah di Indonesia sebelum pengesahan Undang-undang Nombor 32 Tahun 2004 tentang pemerintahan wilayah. Undang-undang tersebut menyebutkan bahawa pemilihan raya langsung ketua pemerintahan wilayah akan dilaksanakan secara nasional.

<sup>12</sup> The Word Bank (2006), “Aceh Public Expenditure Analysis, Spending for Reconstruction and Poverty Redction”, (Laporan The Word Bank, Jakarta: Stock Exchange Building Tower), h. 3.

### Jadual 3.1: Isi Utama Undang-undang Pemerintahan Aceh

Pemerintahan/Politik	<ul style="list-style-type: none"> <li>Hak menggunakan simbol-simbol daerah termasuk bendera, lambang dan lagu kebangsaan</li> <li>Hak membentuk parti politik tempatan</li> <li>Perlindungan kebudayaan tempatan dan pembentukan <i>Wali Nanggroe</i></li> </ul>
Fiskal/Ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Hak memperoleh 70 peratus bahagian dari minyak dan gas (migas), hidrokarbon dan sumber-sumber asli lainnya</li> <li>Pengurusan bersama sumber asli minyak dan gas antara kerajaan wilayah dan pusat, dan transparensi peruntukan bagi hasil, dan diaudit oleh institusi pengauditan berdikari (<i>independent</i>)</li> <li>Tambahan bagi hasil dari dua peratus peruntukan DAU nasional selama 15 tahun dan satu peratus untuk tahun berikutnya.</li> </ul>

Sumber: Undang-undang No. 11/2006.

### Jadual 3.2: Perkembangan Pengaturan Fiskal Antara Kerajaan Pusat untuk Aceh

Bagi hasil	UU 33/2004 (Peruntukan Nasional)		UU 18/2001 (Autonomi Khusus)		UU 11/2006 tentang Kerajaan Aceh	
	Pusat	Wilayah	Pusat	Wilayah	Pusat	Wilayah
<b>Bagi hasil cukai</b>						
Cukai tanah dan bangunan (PBB)	10	90	10	90	10	90
Bea Perolehan Hak Atas Tanah dan Bangunan (BPHTB)	20	80	20	80	20	80
Cukai Penghasilan (PPH)	80	20	80	20	80	20
Bagi hasil non-cukai						
Kehutanan	20	80	20	80	20	80
Perlombongan	20	80	20	80	20	80
Perikanan	20	80	20	80	20	80
Panas bumi	20	80	20	80	20	80
<b>Pendapatan bersih minyak bumi (non-cukai)</b>	85	15	30	70	30	70
<b>LNG (non-cukai)</b>	70	30	30	70	30	70
Dana autonomi khusus (tambahan hasil dari total peruntukan DAU, 2% selama 15 tahun dan 1% selama 5 tahun)						2

Sumber: U.U. No. 18/2001, U.U. No. 33/2004, dan U.U. No. 11/2006.

### **3.2.2 Letak dan Luas**

Secara geografi Aceh terletak membujur dari barat laut ke tenggara antara  $2^{\circ}$  -  $6^{\circ}$  Lintang Utara dan  $95^{\circ}$  -  $98^{\circ}$  Bujur Timur dengan ketinggian rata-rata 125 meter di atas permukaan laut.<sup>13</sup> Ia merupakan pintu gerbang di belahan barat Indonesia.

Had-hadnya:<sup>14</sup>

- Sebelah Utara bersempadan dengan Teluk Benggala/Selat Melaka.
- Sebelah Selatan bersempadan dengan Negeri Sumatra Utara.
- Sebelah Timur bersempadan dengan Selat Melaka.
- Sebelah Barat bersempadan dengan Samudera Indonesia.

Sepanjang pesisiran pantai utara dan timur merupakan dataran rendah yang landai, merata tempat ditumbuhi kayu-kayu bakau yang lebat, sedang persawahan yang luas lagi subur terhampar di berbagai-bagai dataran itu sampai ke kaki bukit. Di bahagian tengah kawasan ini membujur deretan pergunungan Bukit Barisan, termasuk daratan tinggi Gayo dan Alas. Di sana terdapat sebuah danau yang luas serta indah, iaitu Danau Laut Tawar. Kayu-kayu yang telah berumur ratusan tahun terdapat di gunung-gunung, terdiri dari macam-macam jenis kayu yang menjadi hutan lebat, yang di dalamnya berkeliaran pelbagai jenis haiwan.

Di bahagian pesisir barat dan selatan terdapat pantai-pantai yang landai, dan berselang-seli tebing laut yang curam. Pulau-pulau besar dan kecil bertebaran melingkari pesisiran barat dan selatan sampai ke utara dan pesisir timur. Di Pulau Weh terletak Bandar Sabang sebagai ibu bandarnya, yang merupakan bandar pertama atau pintu gerbang masuk ke Indonesia dan Asia Tenggara dari dunia belahan barat. Aceh

<sup>13</sup> BPS Aceh (2010), “Geografis”, <http://Aceh.bps.go.id>, 7 Julai 2010.

<sup>14</sup> Talsya (1978), *op. cit.*, h. 18.

memiliki temasya alam yang permai dan memiliki berbagai hasil dari kekayaan bumi. Untuk dapat melihat Negeri Aceh dalam peta sila rujuk Lampiran E.

Manakala keluasan wilayahnya, iaitu mencapai 21.448 meter persegi atau lebih kurang 57,365.57 Km<sup>2</sup>, dengan kata lain 12.26 peratus Pulau Sumatera. Hutan adalah bahagian terluas dari Aceh di mana luasnya mencapai 39,615.76 km<sup>2</sup>, tanah perkebunan mempunyai keluasan seluas 3,298.80 Km<sup>2</sup> dan perlombongan adalah yang terkecil iaitu 4.90 Km<sup>2</sup>.<sup>15</sup> Untuk jelasnya dalam Jadual 3.3 di bawah ini akan disenaraikan luas negeri Aceh mengikut penggunaan tanah.

**Jadual 3.3: Luas Wilayah Aceh Menurut Penggunaan Tanah Tahun 2008**

Penggunaan Lahan/ <i>Use of land</i>		Luas/Area (Ha)	Peratusan/ Percentage
	(1)	(2)	(3)
1	Pedalaman	117,582	2.05
2	Industri	3,928	0.07
3	Perlombongan	115,049	2.01
4	Persawahan	311,849	5.44
5	Pertanian tanah kering semusim	137,665	2.40
6	Kebun	305,591	5.33
7	Perkebunan		
	- Perkebunan Besar	691,050	12.05
	- Perkebunan Kecil	51,461	0.90
8	Padang (Padang Rumput, alang-alang, semak)	229,726	4.00
9	Hutan (Lebat, belukar, sejenis)	3,523,925	61.43
10	Perairan Darat (kolam air tawar, tambak, penggaraman, waduk, danau, rawa)	204,292	3.56
11	Tanah terbuka ( tandus,rusak, <i>land clearing</i> )	44,439	0.77
12	Lain-lain/ <i>Others</i>	-	-
Jumlah/Total		5,736,557	100

Sumber: BPS, 2008.

<sup>15</sup> BPS NAD (2004), *op. cit.*, h. 29.

### 3.2.3 Geografi, Sungai dan Iklim

Aceh merupakan wilayah daratan dengan topografi berbukit, bergunung, dan berlembah, yang berada pada ketinggian antara 0-1.205 meter di atas permukaan laut. Kawasan Aceh mempunyai beberapa kawasan yang mudah terdedah pada bahanaya bencana alam, iaitu gempa bumi dan letusan gunung berapi.<sup>16</sup> Untuk maklumat lanjut dapat diperhatikan dalam Jadual 3.4 berikut.

**Jadual 3.4: Kekerapan Gempa Bumi Setiap Bulan yang Tercatat di Stesen Geofizik Banda Aceh Tahun 2008**

No	B u l a n	Jumlah gempa tercatat		Jumlah
		Pusat di Negeri Aceh	Pusat di luar Negeri Aceh	
	(1)	(2)	(3)	(4)
1	Januari	216	8	224
2	Februari	207	13	220
3	Mac	201	6	207
4	April	154	10	164
5	Mei	188	18	206
6	Jun	214	5	219
7	Julai	179	6	185
8	Ogos	166	7	173
9	September	169	8	177
10	Oktober	158	6	164
11	Nopember	130	7	137
12	Disember	122	8	130
<b>Jumlah</b>		<b>2,104</b>	<b>102</b>	<b>2,206</b>

Sumber: Stesen Meteorologi dan Geofizik Banda Aceh, 2008.

Dari jadual di atas terdapat 2,104 kali gempa yang terjadi di Negeri Aceh, kekerapan gempa ini berlaku setelah terjadi gempa besar pada akhir Disember 2004 yang diikuti dengan gelombang tsunami. Manakala gempa yang terjadi di luar negeri

<sup>16</sup> Republik Indonesia (1994), *Lampiran Keputusan Presiden (Kepres) No. 17/1994 tentang Rencana Pembangunan Lima Tahun Keenam (Repelita VI)*, Buku V, Bab 47 Pembangunan Kawasan Tingkat I, h. 17-18.

Aceh tercatat sebanyak 102 kali selama tahun 2008.<sup>17</sup> Sementara itu, di kawasan pesisiran barat dan timur Aceh merupakan dataran rendah dan banyak terdapat hutan paya bakau dan nipah. Di dataran ini banyak sekali mengalir berupa sungai, dan sebagian di antaranya dapat dilihat dalam Jadual 3.5 di bawah ini.

**Jadual 3.5: Daerah Aliran Sungai (DAS) di Wilayah Aceh**

No.	Nama Sungai	Lokasi
1	Krueng Pasee	Aceh Utara
2	Krueng Aceh	Aceh Besar
3	Krueng Kluet	Aceh Selatan
4	Krueng Baro	Pidie
5	Krueng Meureubo	Aceh Barat
6	Krueng Meureudu	Pidie Jaya
7	Krueng Alue Lhok Pulau Weh	Sabang
8	Krueng Teunom Wayla	Aceh Barat
9	Krueng Peusangan	Bireuen
10	Krueng Teuripa	Aceh Barat
11	Krueng Singke	Aceh Selatan
12	Krueng Peureulak	Aceh Timur
13	Krueng Simeuleu	Simeulue
14	Krueng Temiang	Aceh Tamiang
15	Krueng Sabe	Aceh Barat
16	Lawe Alas	Aceh Tenggara
17	Wihni Peusangan	Aceh Tengah

Sumber: Jabatan Kehutanan Negeri Aceh

Keadaan iklim di Aceh adalah lembap yang dipengaruhi oleh angin monsun.<sup>18</sup> Hawa panas terdapat di pesisiran, di dataran tinggi berhawa sederhana dan di pergunungan berhawa sejuk. Keadaan suhu pada darjah maksimum rata-rata mencapai  $30^{\circ}$ - $33^{\circ}$ , dan pada had minimum rata-rata antara  $23^{\circ}$ - $25^{\circ}$ . Kelembapan cuaca adalah antara  $65^{\circ}$ - $75^{\circ}$ .<sup>19</sup> Antara bulan November sampai bulan April terjadi curahan hujan yang kerap, pada bulan Jun sampai bulan Oktober setiap tahunnya curahan hujan tidak seberapa dan pada masa inilah terjadi musim kemarau. Curahan hujan di pesisiran utara

<sup>17</sup> BPS Aceh (2010), *op. cit.*, 7 Julai 2010.

<sup>18</sup> Republik Indonesia (1994), *op. cit.*

<sup>19</sup> Talsya (1978), *op. cit.*, h. 22

1000-2000 milimeter, sedangkan kawasan pedalaman 2000-3000 milimeter dan bahagian Selatan rata-rata 3000 milimeter dalam setahun. Pada musim kemarau angin bertiup dari arah Timur dan pada musim hujan angin bertiup dari arah barat.<sup>20</sup>

### 3.2.4 Pemerintahan

Pemerintahan Aceh terdiri dari ketua wilayah yang dipimpin oleh seorang Gabenor dan Dewan Perwakilan Rakyat Aceh (DPRA), manakala pemerintahan peringkat negeri terdiri dari oleh seorang ketua negeri (Bupati/Wali Bandar)<sup>21</sup> dan Dewan Perwakilan Rakyat Kabupaten/Kota (DPRK). Di bawah wilayah peringkat I (Pemerintahan Aceh) terdapat negeri-negeri peringkat II (Negeri/Bandar), dan di bawah negeri peringkat II terdapat institusi pemerintahan peringkat mukim yang diketuai oleh seorang camat<sup>22</sup>. Di bawah mukim terdapat kampung yang dipimpin oleh *keuchik*<sup>23</sup>. Kampung merupakan institusi kerajaan yang terendah dalam sistem pemerintahan di Aceh. Pemerintahan Kampung yang ditadbir oleh seorang *keuchik* yang dibantu oleh *tuha peuet*<sup>24</sup> dan *tuha lapan*<sup>25</sup> sebagai penasihat. Di samping itu terdapat pula jawatan yang dinamakan sebagai *imeum meunasah*<sup>26</sup> yang bertugas dalam bidang keagamaan.<sup>27</sup>

<sup>20</sup> *Ibid.*, h. 21.

<sup>21</sup> Bupati sebutan untuk pemangku raja pada tingkatan negeri/wali bandar untuk tingkatan bandar.

<sup>22</sup> Camat adalah sebutan untuk pengetua pemerintahan peringkat mukim.

<sup>23</sup> *Keuchik* sebutan untuk ketua kampung.

<sup>24</sup> *Tuha peuet* iaitu unsur pemerintahan kampung yang berfungsi sebagai badan permusyawaratan kampung. Lihat Pemerintahan Aceh (2008), *Kanun Aceh Nombor 10 Tahun 2008 tentang Institusi Adat*, Bab I Ketentuan Umum, Fasal 1 ayat 18, h. 4. Lihat juga dalam Sulaiman Tripa (2009), “Pembagian Peran Lewat Institusi Adat Gampong”, Artikel *The Aceh Institute*, <http://www.Acehinstiute.org>, 10 Julai 2009.

<sup>25</sup> *Tuha lapan* adalah suatu badan kelengkapan kampung yang terdiri daripada unsur pemerintah, unsur agama, unsur pimpinan adat, pemuka masyarakat, unsur cerdik pandai, unsur pemuda/wanita dan unsur kumpulan organisasi masyarakat. Lihat dalam Pemerintahan Negeri Istiawea Aceh (2000), *Peraturan Daerah (Perda) Nombor 7 Tahun 2000 tentang Penyelenggaraan Kehidupan Adat*, Bab I Ketentuan Umum, fasal 1 ayat 8.

<sup>26</sup> *Imeum meunasah* adalah orang yang memimpin aktiviti-aktiviti masyarakat di kampung yang berkenaan dengan bidang agama Islam, pelaksanaan dan pembangunan syariat Islam, *meunasah* adalah asas kata dari *madrasah*. Lihat Pemerintah Aceh (2008), *op.cit.*, ayat 21, h. 4.

<sup>27</sup> Talsya (1978), *op. cit.*, h. 36.

Mengikut laporan Badan Pusat Statistik (BPS) Aceh sehingga Julai 2007, wilayah Aceh dibahagikan kepada 18 Negeri dan lima Bandar, 276 mukim, dan 6,460 kampung.<sup>28</sup> Dalam Jadual 3.6 berikut ini akan disenaraikan jumlah Negeri/Bandar, Mukim dan Kampung yang berada di wilayah Aceh.

**Jadual 3.6: Nama Ibu Negeri/Bandar, Banyaknya Mukim dan Kampung di Wilayah Aceh Tahun 2008/2009**

No	Negeri/Bandar <i>Regency/City</i>	Ibu Bandar/ <i>Capital</i>	Banyaknya/ <i>Number of</i>	
			Mukim/ <i>Sub District</i>	Kampung/ <i>Village</i>
(1)	(2)	(3)	(4)	
1	Simeulue	Simeulue	8	137
2	Aceh Singkil	Singkil	10	116
3	Aceh Selatan	Tapaktuan	16	248
4	Aceh Tenggara	Kutacane	16	386
5	Aceh Timur	Langsa	24	512
6	Aceh Tengah	Takengon	14	270
7	Aceh Barat	Meulaboh	12	321
8	Aceh Besar	Jantho	23	604
9	Pidie	Sigli	23	727
10	Bireuen	Bireuen	17	609
11	Aceh Utara	Lhokseumawe	27	854
12	Aceh Barat Daya	Blangpidie	9	133
13	Gayo Lues	Blangkejeren	11	136
14	Aceh Tamiang	Kuala Simpang	12	214
15	Nagan Raya	Jeuram	8	222
16	Aceh Jaya	Calang	6	172
17	Bener Meriah	Simpang Tiga Redelong	7	232
18	Pidie Jaya	Meureudu	8	222
19	Banda Aceh	Banda Aceh	9	110
20	Sabang	Sabang	2	36
21	Langsa	Langsa	5	51
22	Lhokseumawe	Lhokseumawe	4	74
23	Subulussalam	Subulussalam	5	74
<b>Jumlah/Total</b>			<b>276</b>	<b>6,460</b>

Sumber: Badan Pusat Statistik (BPS) Aceh

<sup>28</sup> BPS Aceh (2010), "Pemerintahan", *op. cit.*, 17 Julai 2010.

Kemudian dalam pentadbiran pemerintahan di Aceh sejak 1945 sampai dengan tahun 2010, Aceh sudah dipimpin oleh 21 Residen<sup>29</sup>/ Penjawat Gabenor/ Gabenor Ketua Wilayah. Dalam Jadual 3.7 akan disenaraikan nama-nama gabenor Pemerintahan Aceh yang pernah memerintah dari tahun 1945 sehingga sekarang.

### **Jadual 3.7: Senarai Gabenor Aceh Tempoh 1945 Hingga 2011**

No.	Nama	Jawatan	Tahun
1	Teuku Nya' Arief	Residen	1945 – 1946
2	Teuku Tjhi' M. Daoedsjah	Residen	1946 – 1948
3	Teungku Muhammad Daud Beureueh	Gabenor Militer Aceh, Langkat dan Tanah Karo	1948 – 1951
4	R.M. Danoebroto	Residen Koordinator	1951 – 1953
5	Teungku Soelaiman Daoed	Pemangku Residen Koordinator	Mei 1953 – Sept. 1953
6	Abdul Wahab	Ketua Staf Keamanan Sivil/Acting Residen	1953 – 1954
7	Abdul Razak	Residen	1954 – 1957
8	Ali Hasjmy	Gabenor Ketua Wilayah	1957 – 1964
9	Nyak Adam Kamil	Gabenor Ketua Wilayah	1964 – 1967
10	Hasbi Wahidy	Penjawat Gabenor	1967 – 1968
11	Abdullah Muzakkir Walad	Gabenor Ketua Wilayah	1968 – 1978
12	Abdul Majid Ibrahim	Gabenor Ketua Wilayah	1978 – 1981
13	Eddy Sabara	Penjawat Gabenor	1981
14	Hadi Thayeb	Gabenor Ketua Wilayah	1981 – 1986
15	Ibrahim Hassan	Gabenor Ketua Wilayah	1986 – 1993
16	Syamsuddin Mahmud	Gabenor Ketua Wilayah	1993 – 21 Jun 2000
17	Ramli Ridwan	Penjawat Gabenor	21 Jun – Nop 2000
18	Abdullah Puteh	Gabenor Ketua Wilayah	Nop 2000 – 19 Jul 2004
19	Azwar Abubakar	Penjawat Gabenor	19 Jul 2004 – 30 Dis 2005
20	Mustafa Abubakar	Penjawat Gabenor	30 Dis 2005 – 8 Feb 2007
21	Irwandi Yusuf	Gabenor Ketua Wilayah	8 Feb 2007 - 2011

Sumber: Badan Arkib dan Perpustakaan Negeri Aceh.


---

<sup>29</sup> Residen adalah pegawai perkhidmatan awam yg mengetuai kawasan (bahagian dari wilayah yg mencakup beberapa negeri), KBBI (2008), Pusat Bahasa Jabatan Pendidikan Nasional Republik Indonesia, on-line <http://pusatbahasa.diknas.go.id/kbki/index.php>, 21 Julai 2010.

### **3.2.5 Jumlah Penduduk dan Taraf Pendidikan**

Pertumbuhan penduduk Aceh tahun 2004 dan 2005 sangat rendah akibat hentaman tsunami yang menelan lebih dari 200 ribu orang dan menyebabkan berkurangnya pasangan usia subur yang lebih besar, sehingga kepesatan pertumbuhan penduduk menurun, dari 0.56 peratus tahun 2004 dan 0.20 peratus pada tahun 2005. Pada tahun 2006 pertumbuhan penduduk bertambah kepada 1 peratus, kerana kondisi Aceh sudah mulai pulih dengan berjalannya proses pemulihan dan pembinaan semula perumahan rakyat yang hancur akibat tsunami.<sup>30</sup> Jumlah penduduk Negeri Aceh mengikut bancian penduduk tahun 2006 adalah 4,153,573 orang dengan komposisi jantina 2,066,221 orang lelaki dan 2,087,352 orang perempuan.<sup>31</sup> Manakala pertumbuhan penduduk Aceh secara amnya masih di bawah pertumbuhan penduduk nasional. Lihat Rajah 3.1.

**Rajah 3.1: Tingkat Pertumbuhan Penduduk**



Sumber: BPS dan EKPD 2009

<sup>30</sup> Unsyiah (2009), “Evaluasi Kinerja Pembangunan Kawasan Negeri Aceh”, (Laporan Akhir Deputi Bidang Evaluasi Kinerja Pembangunan Kementerian Negara kerjasama dengan Universiti Syiah Kuala, Banda Aceh, Jakarta: Bappenas), h. 53.

<sup>31</sup> BPS Aceh (2010), “Penduduk”, *op. cit.*, 9 Julai 2010.

Selama konflik berlaku, pendidikan di Aceh banyak menjadi sasaran oleh pihak-pihak yang bertelagah yang berupaya menghancurkan infrastruktur sekolah dan kerajaan. Kerosakan dan kehilangan ditaksir 49 peratus sekolah menengah atas, 47 peratus sekolah menengah pertama, 54 peratus sekolah dasar (rendah), dan madrasah tradisional (sekolah Islam), dan 74 peratus taman kanak-kanak (tadika) rosak selama berlakunya konflik.<sup>32</sup>

Selama enam bulan setelah kegagalan perjanjian penghentian permusuhan pada bulan Mei 2003, sebanyak 880 buah sekolah perlu ditutup.<sup>33</sup> Beberapa universiti juga diserang, lebih dari 180,000 orang meninggalkan Aceh antara tahun 1999 dan 2002,<sup>34</sup> di antara mereka terdapat ramai pelajar dan usahawan.<sup>35</sup> Namun, setelah situasi semakin pulih, kerajaan dan beberapa institusi/NGO telah berjaya membawa semula beberapa usahawan dan pekerja cekap ke Aceh.<sup>36</sup>

Manakala tahap pencapaian pendidikan di Aceh cukup tinggi berbanding dengan negeri-negeri lain dan purata di Indonesia, tingkat penyertaan di tingkat Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Pertama pada tahun 2007 lebih tinggi dibandingkan dengan tingkat penyertaan secara nasional dan dibandingkan dengan negeri jiran Sumatera Utara yang lebih kaya, hal ini dapat dirujuk dalam Jadual 3.8.

---

<sup>32</sup> MSR (2009), “Identifying the Foundations for Sustainable Peace and Development in Aceh”, (*Executive Summary*, Multi-Stakeholder Review of Post-Conflict Programming in Aceh, Banda Aceh/Jakarta: MSR), h. 1-6.

<sup>33</sup> Patrick Barron (2008), “Managing the Resource for Peace: Reconstruction and Peace building in Aceh” in Aguswandi and Judith Large (eds.) *Reconfiguring Politics: The Indonesia-Aceh Peace Process*. London: Conciliation Resources, <http://www.c-r.org/our-work/accord/aceh/contents.php>, 28 Julai 2010.

<sup>34</sup> Mathias Czaika and Krisztina Kis-Katos (2007), “Civil Conflict and Displacement. Village-Level Determinants of Forced Migration in Aceh”, (HiCN Working Paper No. 32, Households in Conflict Network, Institute of Development Studies, University of Sussex, Brighton, UK.), h. 1-32.

<sup>35</sup> Antje Missbach (2007), “Aceh Homobound?”, in Inside Indonesia No. 90: Special Aceh Report, [http://www.aceh-eye.org/data\\_files/english\\_format/analisis/](http://www.aceh-eye.org/data_files/english_format/analisis/), 28 Julai 2010.

<sup>36</sup> Kemajuan pemulihan di Aceh dan Nias (2009), “Pusdatin-RAN Database-BRR”, <http://www.e-aceh-nias.org/home/default.aspx?language=EN>, 28 Julai 2010.

**Jadual 3.8: Pencapaian Pendidikan**

Pendidikan	2004			2007		
	Aceh	Sumatera Utara	Nasional (Purata)	Aceh	Sumatera Utara	Nasional (Purata)
Kadar Pencapaian Bersih SD	95.9	93.6	93.0	95.7	93.9	93.8
Kadar Pencapaian Bersih SMP	80.0	73.0	65.2	76.4	73.6	66.6
Kadar Pencapaian Bersih SMA	62.0	56.6	42.9	61.8	54.8	44.6
Kadar Pencapaian Kotor SD	108.8	106.6	107.1	114.3	111.0	110.4
Kadar Pencapaian Kotor SMP	95.9	89.9	82.2	91.1	91.3	82.0
Kadar Pencapaian Kotor SMA	75.2	70.9	54.4	76.8	69.0	56.7

Sumber: Susenas, 2004-2007.

### 3.2.6 Kemiskinan dan Keadaan Sosial

#### 3.2.6.1 Pengertian dan piawaian pengukuran kemiskinan

Salah satu masalah yang cukup penting untuk ditadbir oleh suatu negara adalah masalah kemiskinan, terutama negara yang sedang membangun seperti Indonesia. Data Badan Pusat Statistik (BPS) per Mac 2008 menunjukkan bahawa jumlah penduduk miskin di Indonesia mencapai angka 34.96 juta orang atau sebesar 15.42 peratus dari keseluruhan penduduk Indonesia yang berjumlah 226.72 juta orang. Sedangkan pada tempoh Mac 2009, jumlah penduduk yang berada di bawah garis kemiskinan menurun iaitu seramai 2.43 juta orang. Meskipun telah mengalami penurunan, jumlah penduduk miskin di Indonesia masih di tahap yang tinggi, iaitu 32.53 juta orang atau sebesar 14.15 peratus. Kemiskinan tersebut dikesan terutamanya di kawasan pedalaman. Pada tempoh Mac 2009, jumlah penduduk miskin di kawasan pedalaman adalah 20.62 juta orang, manakala jumlah penduduk miskin di kawasan bandar adalah 11.91 juta orang. Ertinya, 63.39 peratus penduduk miskin di Indonesia berada di kawasan pedalaman.<sup>37</sup>

<sup>37</sup> BPS (2009), "Sistem Informasi Rujukan Kegiatan Statistik", *on-line* <http://sirusa.bps.go.id>, 29 September 2010.

**Jadual 3.9: Jumlah dan Peratusan Penduduk Miskin Mengikut Kawasan Tempoh Mac 2008 Hingga Mac 2009**

Kawasan	Tahun	Jumlah Penduduk Miskin (Juta)	Peratusan Penduduk Miskin (%)
Bandar	2008	12.77	11.65
	2009	11.91	10.72
Pedalaman	2008	22.19	18.93
	2009	20.62	17.35
Jumlah	2008	34.96	15.42
	2009	32.53	14.15

Sumber: BPS, 2009.

Dari sudut bahasa, kemiskinan berasal dari kata "miskin" yang ertiannya tidak berharta benda dan serba kekurangan.<sup>38</sup> Secara istilah kemiskinan merupakan ketidakmampuan individu dalam memenuhi keperluan asas minimum untuk hidup sewajarnya.<sup>39</sup>

Selain itu, kemiskinan boleh juga ditakrifkan menurut dua pendekatan. Kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif. Konsep kemiskinan mutlak adalah jumlah masyarakat yang hidup di bawah tingkat penghasilan minimum yang diperlukan untuk memenuhi keperluan asas seperti pakaian, makanan dan tempat tinggal.<sup>40</sup> Manakala kemiskinan relatif iaitu suatu keadaan di mana seseorang atau sekelompok orang tidak mampu sentiasa mengawal dirinya sendiri pada arus yang sesuai dengan kadar kehidupan kelompoknya dan juga tidak mampu memanfaatkan kemampuan mental

<sup>38</sup> Noresah bt. Baharom *et al.* (eds.) (2007), *Kamus Dewan*, e. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1037.

<sup>39</sup> Nurhadi (2007), *Mengembangkan Jaminan Sosial Mengentaskan Kemiskinan*, c. 1. Yogyakarta: Media Wacana, h. 13.

<sup>40</sup> Michael P. Todaro & Stephen C. Smith (2000), *Economic Development*, e. 8. Boston San Francisco, New York: Addison Wesley Publishing Company, h. 205 & h. 787.

mahupun fiziknya dalam kelompok tersebut.<sup>41</sup> Sementara itu menurut Surtahman, kemiskinan itu mengikut perspektif Islam mengandung dua pengertian, iaitu kemiskinan kebendaan dan kemiskinan kejiwaan (kerohanian). Kemiskinan kebendaan merupakan kemiskinan atau kefakiran yang merujuk kepada keadaan ketidakcukupan. Individu yang berada dalam keadaan tidak cukup digolongkan sebagai miskin atau fakir. Sedangkan kemiskinan kerohanian adalah kemiskinan jiwa atau jiwa yang kosong, orang yang mempunyai jiwa yang kosong/miskin mudah terdedah kepada bermacam-macam bahaya. Miskin jiwa mempunyai kesan yang lebih merbahaya daripada miskin harta.<sup>42</sup>

Bappenas mendefinisikan kemiskinan sebagai keadaan di mana seseorang atau sekelompok orang, lelaki dan perempuan, tidak mampu memenuhi hak asasnya untuk mempertahankan dan mengembangkan kehidupan yang bermartabat.<sup>43</sup> Manakala John Friedman mendefinisikan kemiskinan sebagai suatu keadaan yang tidak terpenuhnya keperluan asas individu sebagai manusia.<sup>44</sup>

Dalam menentukan kemiskinan terdapat beberapa kriteria untuk mengukur kemiskinan. Ahmad Avenzora dan Yoyo Karyono menyatakan bahawa:<sup>45</sup>

“Besarnya kemiskinan dapat diukur dengan atau tanpa berpandukan kepada garis kemiskinan. Konsep yang berpandukan pada garis kemiskinan disebut kemiskinan *absolute*, sedangkan konsep yang diukur

<sup>41</sup> Surjono Susanto (1982), *Sosiologi: Suatu Pengantar*, c. 1. Jakarta: Rajawali Press, h. 378.

<sup>42</sup> Surtahman Kastin Hasan (1996), *Kemiskinan dan Pembasmian Kemiskinan Mengikut Perspektif Islam*, dalam Chamhuri Siwar, Nor Aini Hj. Idris (ed.) (1996), *Kemiskinan Dalam Arus Pembangunan Ekonomi Malaysia*, c. 1. Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 70-71.

<sup>43</sup> Suharno (2008), “Metode Pengukuran Kemiskinan Makro, Garis Kemiskinan Di Indonesia”, (Kertas Kerja Seminar Pusat Studi Kependudukan dan Kebijakan di Universiti Gadjah Mada Yogyakarta, 24 Julai 2008), h. 2.

<sup>44</sup> Puji Hadiyanti (2006), “Kemiskinan dan Upaya Pembangunan Masyarakat”, *Komunitas, Jurnal Pengembangan Masyarakat Islam*, Vol. 2, No. 1. Jakarta: Universiti Negeri Jakarta, h. 46.

<sup>45</sup> Ahmad Avenzora dan Yoyo Karyono (2008), *Analisis dan Penghitungan Tingkat Kemiskinan 2008*. Jakarta: Badan Pusat Statistik, h. 5-7.

tidak berdasarkan garis kemiskinan disebut kemiskinan *relative*. Kemiskinan *relative* adalah suatu ukuran mengenai jurang di dalam keserataan pendapatan, sedangkan kemiskinan *absolute* adalah tingkatan dari kemiskinan di bawah garis kemiskinan, di mana keperluan-keperluan minimum untuk hidup tidak dapat dipenuhi”.

Adanya pelbagai macam kriteria kemiskinan menyebabkan terjadinya perbezaan data tentang kemiskinan. BPS menggunakan kriteria untuk menentukan garis kemiskinan dengan menggunakan konsep kemampuan memenuhi keperluan asas. Pengeluaran minimum untuk hidup sehari-hari diukur dengan pengeluaran makanan setara dengan 2,100 kalori ditambah dengan pengeluaran untuk keperluan selain makanan yang meliputi pakaian, perumahan dan pelbagai barang.<sup>46</sup>

Berbeza dengan pandangan Sayoga,<sup>47</sup> beliau berpandangan bahawa garis kemiskinan dapat dinyatakan dalam bentuk rp/tahun, sepadan dengan nilai tukar beras (kg/orang/tahun). Beliau menggunakan ukuran kilogram beras untuk menentukan kriteria batas garis kemiskinan (rujuk Jadual 3.10). Atas asas ini, maka mereka yang hidup di bawah kemiskinan memiliki ciri-ciri<sup>48</sup> seperti berikut:

- 1) Tidak memiliki sumber produksi sendiri seperti tanah, modal, keterampilan, dan sebagainya;
- 2) Tidak memiliki aset produksi dengan kekuatan sendiri, seperti memperoleh tanah pertanian atau modal usaha;

---

<sup>46</sup> BPS Pandeglang (2009), “Perhitungan Angka kemiskinan BPS versus Bank Dunia”, Pandeglang: Badan Pusat Statistik, *on-line* <http://pandeglangkab.bps.go.id/index.php/news/9>, 2 Ogos 2010.

<sup>47</sup> Harwantiyoko dan Neltje F. Katuuk (1997), *MKDU Ilmu Sosial Dasar Seri Diktat Kuliah*. Jakarta: Guna Darma, h. 203, lihat juga dalam Sukidjo (2009), “Strategi Pembangunan Pengentasan Kemiskinan Pada PNPM Mandiri”, *Jurnal Cakrawala Pendidikan Pendidikan*, Th. ke- 28, No. 2. Yogyakarta: FISE Universiti Negeri Yogyakarta, h. 155-164.

<sup>48</sup> *Ibid.*

- 3) Tahap pendidikan mereka rendah, tidak sampai tamat sekolah rendah kerana harus membantu orang tua mencari pendapatan tambahan;
- 4) Kebanyakan tinggal di kampung dan bekerja sendiri, melakukan apa sahaja kerja yang diperolehi; dan
- 5) Ramai golongan pemuda yang menetap di Bandar, dan tidak mempunyai keterampilan.

**Jadual 3.10: Perbandingan Tingkat Kemiskinan**

No.	Predikat	Penghasilan	Kawasan
1	Sangat Miskin	Di bawah setara 240 kg beras Di bawah setara 260 kg beras	Pedalaman Bandar
2	Miskin	Setara 240 – 320 kg beras Setara 320 – 480 kg beras	Pedalaman Bandar
3	Hampir Miskin	Setara 320 – 480 kg beras Setara 480 – 720 kg beras	Pedalaman Bandar
4	Cukup	Setara lebih dari 480 kg beras Setara lebih dari 720 kg beras	Pedalaman Bandar


Sumber: Sukidjo 2009.

### 3.2.6.2 Tingkat kemiskinan penduduk Aceh

Penduduk miskin di Aceh secara purata masih relatif besar lebih dari 25 peratus dari tahun 2004 hingga tahun 2007, namun setelah pemulihan dan pembinaan semula dari bencana tsunami peringkat kemiskinan meningkat relatif kecil dari 28.5 peratus pada tahun 2004 ke 32.6 peratus pada tahun 2005 jika dibandingkan dengan peringkat kemasuhan yang diakibatkan oleh tsunami. Pada tahun 2006, tahap kemiskinan menurun kepada 26.5 peratus, di bawah tahap kemiskinan sebelum terjadinya tsunami. Tahap kemiskinan pada tahun 2007 seperti yang dijangkakan BPS, serupa dengan tahap kemiskinan tahun 2006.

Kemiskinan di Aceh, sama halnya dengan kawasan lain di Indonesia merupakan permasalahan di pedalaman, di mana lebih dari 30 peratus masyarakat hidup di bawah garis kemiskinan, jika dibandingkan dengan 15 peratus di kawasan bandar.<sup>49</sup> Manakala pada tahun 2008 tahap kemiskinan di Aceh menurun menjadi 23.53 peratus. Untuk lebih jelas dapat dilihat pada Rajah 3.2 berikut.

**Rajah 3.2: Peratus Penduduk Miskin Aceh**



Sumber : EKPD 2009

Dalam laporan akhir EKPD Wilayah Aceh tahun 2009 menyebutkan beberapa faktor yang menyebabkan masyarakat Aceh khasnya di kawasan pedalaman terbelenggu dengan kemiskinan. Faktor yang dipilih antara lainnya adalah rendahnya tingkat pendidikan, sehingga kualiti mereka sebagai tenaga pekerja tempatan dibandingkan dengan kualiti pekerja luar. Keadaan ini menyukarkan lagi usaha pembasmian kemiskinan di kawasan ini. Di samping itu, tanah yang dimiliki juga terhad untuk melakukan usaha pertanian dan kesempatan untuk melakukan aktiviti perusahaan juga kecil, sehingga keadaan ini mempengaruhi tingginya pengangguran dan kemiskinan.<sup>50</sup>

<sup>49</sup> Bank Indonesia (2008), “Perkembangan Ekonomi Aceh 2008”, (Laporan Perkembangan Ekonomi Aceh 2008, Jakarta: Bank Indonesia, *Word Bank dan Multi Donor Fund*), h. 3.

<sup>50</sup> Unsyiah (2009), *op. cit.*, h. 54-59.

### **3.2.6.3 Tingkat pendapatan per kapita dan inflasi**

Pada tahun 2004 tingkat pendapatan per kapita Aceh selain minyak dan gas, serta per kapita nasional adalah masing-masing sekitar Rp 11.9 Juta, Rp 7.1 juta dan Rp 10.6 juta. Pada tahun-tahun berikutnya pendapatan per kapita, selain minyak dan gas per kapita Aceh serta pendapatan per kapita nasional adalah masing sejumlah Rp 19 juta, Rp 14 juta dan 17.6 juta pada tahun 2007. Untuk perincian selengkapnya rujuk Jadual 3.11.<sup>51</sup>

**Jadual 3.11: Pendapatan Per Kapita Aceh Selain Minyak dan Gas di Bawah Harga Nasional**

<b>H u r a i a n</b>	<b>2004</b>	<b>2005</b>	<b>2006</b>	<b>2007</b>
Pendapatan Per kapita (minyak & gas) Aceh	11,937,287	13,973,799	17,558,047	19,048,748
Pendapatan Per kapita tanpa minyak & gas Aceh	7,147,062	8,697,939	11,136,862	14,000,089
Pendapatan Perkapita Nasional	10,610,000	12,680,00	15,030,000	17,580,000

Sumber: Data BPS, dan hasil perkiraan kakitangan EKPD 2009


Pada tahun 2004 tahap inflasi Aceh berada pada 7.16 peratus, lebih rendah daripada tahap inflasi nasional iaitu sejumlah 6.1 peratus. Pada tahun 2005 tahap inflasi Aceh meningkat pesat iaitu sebanyak 29.35 peratus, kenaikan yang paling mendadak terjadi di Bandar Aceh (Rajah 3.3). Tahap inflasi ini adalah tiga kali ganda dari tahap inflasi nasional yang jumlahnya adalah 10.5 peratus. Pada tahun 2006 inflasi Aceh turun secara tiba-tiba dan berada pada jumlah 10.51 peratus, lebih rendah dari inflasi nasional yang jumlahnya 13.1 peratus. Pada tahun 2007, tahap inflasi turun semula menjadi 7.59

---

<sup>51</sup> *Ibid.*, h. 69.

peratus, namun angka ini masih lebih tinggi dari angka inflasi nasional yang jumlahnya adalah 6 peratus.<sup>52</sup> Inflasi ini disebabkan adanya pemulihan dan pembinaan semula wilayah Aceh setelah gempa dan tsunami.<sup>53</sup>

**Rajah 3.3: Inflasi di Banda Aceh dan Kawasan-kawasan Lain**



Sumber : BPS dan perkiraan kakitangan *Word Bank*

### 3.2.6.4 Sumber pendapatan

Mengikut hasil laporan kajian strategi program CSO yang dilaksanakan oleh UNDP Indonesia, aktiviti yang paling dominan dalam perusahaan untuk memperolehi sumber pendapatan di Aceh adalah daripada sektor pertanian, lebih dari 70 peratus masyarakat yang berusaha di sektor perkebunan, pertanian sawah dan perikanan.<sup>54</sup> Di Aceh, gabungan pola perusahaan antara perusahaan utama dan perusahaan sampingan, ditemukan 26 corak gabungan. Gabungan aktiviti perusahaan yang memberikan pendapatan lebih besar daripada Rp 10 juta. Pola gabungan ini dapat diperincikan dalam Jadual 3.12 di bawah ini.

<sup>52</sup> Bappenas (2009), *op. cit.*, h. 70.

<sup>53</sup> The Word Bank (2006), *op. cit.*, h. 12.

<sup>54</sup> UNDP (2007), “Strategi Program Civil Society Organization”, (Laporan Kajian Strategi Program CSO, Jakarta: UNDP Indonesia, Menara Thamrin 8<sup>th</sup> Floor, h. 21.

**Jadual 3.12: Pola Gabungan Perusahaan dan Pendapatan yang Diperoleh Masyarakat Negeri/Bandar di Aceh**

No	Gabungan Corak Usaha	Pendapatan (Rp./Tahun)
1	Kebun getah + laman + ayam + kambing	12,255,785
2	Kebun kelapa + laman + sapi + ayam	7,636,452
3	Kebun kelapa + ladang + laman + ayam	7,045,975
4	Kebun pokok kelapa sawit + ladang + laman + ayam	7,743,975
5	Kebun koko + ladang + laman + ayam	9,369,808
6	Kebun nilam + laman + ayam	15,945,785
7	Sawah + laman + ayam	8,485,663
8	Sawah + laman + kerbau + ayam	12,048,163
9	Kebun pokok mangga + laman + ladang + ayam	13,746,975
10	Pemperolehan kayu di hutan + laman + ladang	12,809,475
11	Nelayan sampan + ayam	12,574,750
12	Nelayan berenjin sangkut + ayam	14,925,000
13	Nelayan berenjin dalam + ayam + laman	9,734,441
14	Nelayan kapal motor + ayam	9,225,000
15	Petambak udang + laman	24,220,785
16	Pemproses garam + laman + ayam	13,045,785
17	Penjual garam + laman	13,770,785
18	Penjual di pasar	23,100,000
19	Penjual ikan keliling	19,800,000
20	Penjual/gerai runcit	14,266,667
21	Kedai kopi	9,833,333
22	Penternak burung puyuh	9,833,333
23	Pekerja kilang bata + laman	7,927,585
24	Usahawan bata	54,088,333
25	Pekerja bangunan + laman + ayam	7,522,385
26	Motor taxi + laman + ayam	9,238,285
<b>Purata Pendapatan</b>		<b>13,853,638</b>

Sumber : UNDP Indonesia, 2007

### **3.3 Profil Baitul Mal Aceh**

#### **3.3.1 Latar Belakang**

Sejarah pentadbiran zakat yang ditubuhkan oleh Pemerintahan Wilayah di Aceh telah dilakukan bermula tahun 1973 dengan nama Badan Penertiban Harta Agama (BPHA), kemudian berubah menjadi Badan Harta Agama (1975). Tahun 1993 berubah lagi menjadi BAZIS, selanjutnya tahun 2004 menjadi Badan Baitul Mal, terakhir tahun 2008 berubah menjadi Baitul Mal (tanpa Badan) yang dikuatkuasakan dengan Kanun Aceh Nombor 10 Tahun 2007 berdasarkan Undang-Undang Pemerintahan Aceh Nombor 11 tahun 2006 atau yang lebih dikenal dengan istilah UUPA.<sup>55</sup>

Seterusnya, dalam Kanun Nombor 7 Tahun 2004 tentang Pengelolaan Zakat disebutkan peranan Baitul Mal sebagai institusi yang berkuasa melakukan pentadbiran zakat, dan harta agama lainnya di Wilayah Aceh. Kanun ini dimansuhkan dan diganti dengan kanun Nombor 10 Tahun 2007 tentang Baitul Mal. Penubuhan Baitul Mal dilaksanakan dengan Keputusan Gabenor Aceh Nombor 18 Tahun 2003 tentang Pembentukan Organisasi dan Tata Kerja Badan Baitul Mal Wilayah Aceh. Kerana keadaan yang khas tersebut, maka skop Badan Amil Zakat Daerah (BAZDA) di Aceh yang disebut dengan Baitul Mal sedikit berbeza dengan BAZDA yang diatur dalam Undang-undang Nombor 38 tahun 1999 tentang Pentadbiran Zakat dan Keputusan Menteri Agama Republik Indonesia Nombor 373 Tahun 2003 tentang Pelaksanaan Undang-undang Nombor 38 Tahun 1999, di mana BAZDA berada pada tingkat Wilayah, Negeri/Bandar dan Mukim.<sup>56</sup>

---

<sup>55</sup> Amrullah (t.t.), “Adakah Transparansi Dalam Pengelolaan Zakat di Aceh”, *Artikel on-line*, <http://www.baitulmal-aceh.com/file/ARTIKEL/>, 15 Julai 2010.

<sup>56</sup> *Ibid.*

Penubuhan institusi Baitul Mal di Aceh dilakukan pada peringkat Wilayah, Negeri/Bandar dan Kampung (bukan di peringkat mukim). Hal ini ada hubung kaitnya dengan sejarah panjang pentadbiran zakat dan harta agama lainnya yang dilakukan di kampung sejak zaman Sultan Iskandar Muda, kerana pemerintahan kampung dinilai mempunyai hubungan yang langsung dengan masyarakat.<sup>57</sup>

Dalam Undang-undang Nombor 11 Tahun 2006 tersebut, zakat mendapat peranan dan posisi yang sangat istimewa dalam Pemerintahan Aceh, dibandingkan dengan kerajaan di kawasan lain yang diatur dengan Undang-undang Nombor 32 Tahun 2004. Ada tiga hal yang menarik menyangkut tentang zakat yang diatur dalam Undang-undang Nombor 11 Tahun 2006, iaitu:<sup>58</sup>

- 1) Fasal 180 ayat (1) huruf d disebutkan, zakat merupakan salah satu sumber Pendapatan Asli Daerah (PAD)<sup>59</sup> Aceh dan PAD Negeri/Bandar;
- 2) Fasal 191, bahawa zakat harta wakaf dan harta agama ditadbir oleh Baitul Mal Aceh dan Baitul Mal Negeri/Bandar yang diatur dengan Kanun; dan
- 3) Fasal 192, bahawa zakat yang dibayar menjadi faktor berkurangnya jumlah cukai pendapatan terhadap daripada wajib cukai.

Ketentuan tersebut lebih lanjut diatur dengan Kanun Nombor 10 Tahun 2007 tentang Baitul Mal, yang tidak hanya mengatur tentang masalah zakat, tetapi lebih luas sesuai dengan tuntutan perkembangan terakhir di Aceh.

---

<sup>57</sup> *Ibid.*

<sup>58</sup> Republik Indonesia (2006), *Undang-undang Nombor 11 Tahun 2006 tentang Pemerintahan Aceh*.

<sup>59</sup> Sumber PAD lain adalah cukai daerah, sumbangan daerah, hasil pentadbiran kekayaan kawasan yang dipisahkan dan hasil penyertaan modal serta lain-lain PAD Aceh dan PAD Negeri/Bandar yang sah.

### **3.3.2 Visi dan Misi**

Baitul Mal Aceh mempunyai visi dan misi dalam pembangunan harta agama di Wilayah Aceh. Visinya adalah ‘Menjadi Institusi Amil yang Amanah, Transparensi dan Kredibel’. Manakala misi yang diterapkan adalah:

- 1) Memberikan perkhidmatan berkualiti kepada *muzakki* dan *mustahik*;
- 2) Mewujudkan transparensi dan akauntabiliti dalam pentadbiran zakat, infak dan sedekah;
- 3) Memberikan konsultasi dan advokasi bidang zakat dan harta agama lainnya;
- 4) Mengembangkan harta agama bagi mempertimbangkan kualiti, kesejahteraan dan martabat kaum dhuafa; dan
- 5) Mempertingkatkan kesedaran umat dalam menunaikan kewajipan berzakat.

Dalam melaksanakan visi dan misinya, Baitul Mal Aceh berkomitmen untuk menjalankan aktiviti zakat bersesuaian dengan peraturan yang telah ditetapkan, sebagaimana yang telah dinukilkhan dalam ‘cogan kata’ institusi Baitul Mal sendiri, iaitu ‘Transparensi’, ‘Kredibel’ dan ‘Amanah’.<sup>60</sup>

### **3.3.3 Program Kerja Baitul Mal Aceh**

#### **3.3.3.1 Program tahunan**

Sejak ditubuhkannya pada tahun 2004 yang lepas, Baitul Mal Aceh (BMA) sudah banyak melahirkan idea-idea untuk kemajuan dalam pentadbiran zakat melalui program-program yang telah dilaksanakan. Program tahunan mulai intensif

---

<sup>60</sup> Sayed Muhammad Husen, Kepala Bidang Penerimaan Zakat Baitul Mal Aceh. Temu bual *on-line* pada 28 September 2010 via jejaringan sosial Facebook.

dilaksanakan pada tahun 2006 sehingga tahun 2009, ada lapan program yang berhasil dicadangkan pada tahun 2006 di antaranya adalah<sup>61</sup> latihan sumber manusia ‘amil Baitul Mal di dalam wilayah dan luar wilayah, melakukan musyawarah kerja dan bimbingan teknologi Baitul Mal Negeri/Bandar serantau Aceh. Lapan daripada program yang dicadangkan pada tahun 2006 tersebut, tiga program yang dapat tercapai iaitu terlaksananya musyawarah kerja dan bimbingan teknologi yang pertama untuk Baitul Mal Negeri/Bandar serantau Aceh, terbentuknya UPZP dan tersedianya sumber manusia yang cukup untuk menduduki jawatan BMA. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Lampiran F mengenai program-program tahunan BMA.

### **3.3.3.2 Program unggul**

Dalam rangka pembangunan kreativiti pengagihan zakat, BMA telah mengembangkan dua unit bidang pengurusan zakat khas, iaitu: Unit Pengelola Zakat Produktif (UPZP) dan Unit Peduli Fakir Uzur (UPFU), ini merupakan sebahagian dari lima program utama yang telah dicadangkan BMA.<sup>62</sup> UPZP dengan cara memisahkan 50 peratus bahagian peruntukan asnaf miskin untuk ditadbirkan dalam bentuk modal usaha dengan pola *qardul hasan* iaitu berupa pinjaman kebajikan tanpa faedah, yang dikembangkan dalam beberapa sektor, seperti sektor penternakan, pertanian, perniagaan, industri keluarga, sewa beli beca, perbengkelan dan sebagainya. Sementara itu, UPFU menyediakan sejumlah dana yang diambil daripada bahagian peruntukan asnaf fakir iaitu 80 peratus untuk dimanfaatkan kepada fakir uzur berupa pemberian bantuan tetap pada setiap bulannya, penyediaan kemudahan kesihatan daripada dokter berupa lawatan tetap setiap bulan bersamaan dengan pengagihan bantuan bulanan. Penyediaan kemudahan kesihatan seperti pemberian kursi roda, tongkat dan insurans.

---

<sup>61</sup> Program Baitul Mal Aceh, <http://www.baitulmal-aceh.com//index.php?option>, 15 Julai 2010.

<sup>62</sup> Serambi Indonesia, October 13, 2010, “Baitul Mal Aceh Tetapkan Lima Program Unggulan”, *on-line* <http://www.serambinews.com/news/view/40602/baitul-mal-aceh-tetapkan-lima-program-unggulan>.

Mengingat jumlah dana yang masih sangat terhad, BMA sampai dengan tahun 2009 hanya mampu menyediakan bantuan kepada 200 orang fakir uzur sahaja, tiap-tiap mereka diberikan setiap bulannya sebanyak Rp 200,000 per individu dan ditambah dengan kemudahan-kemudahan lainnya.<sup>63</sup>

Selain daripada dua program unit khas dalam pengagihan zakat tersebut di atas, BMA juga telah mengembangkan enam program utama lainnya yang diambil daripada masing-masing asnaf zakat<sup>64</sup>, iaitu:

- 1) Bantuan pakej Ramadan untuk orang-orang miskin (asnaf miskin) berupa bantuan wang dan pemberian kain sarung setiap tahun. Jumlah ini masih terhad untuk 600 keluarga miskin sebanyak Rp 250,000 per isi keluarga ditambah dua helai kain sarung per tahun. Pengagihan ini sudah bermula sejak tahun 2006;
- 2) Pengagihan biasiswa untuk anak *mu'allaf* dikawasan mudah terpengaruh oleh agama lain yang bukan Islam (asnaf *mu'allaf*) di Negeri Aceh Singkil, Aceh Tenggara dan Bandar Subulussalam masing-masing sebanyak Rp 100,000 per bulannya yang dikirim melalui akaun PT. Bank BPD Aceh ditambah pakej buku agama. Bantuan ini telah mula dilaksanakan pada tahun 2007;
- 3) Bantuan biasiswa, biasiswa ini diagihkan kepada murid-murid yang berasal dari keluarga miskin dan untuk pelajar dari keluarga miskin (asnaf *ibnu sabill*) yang tersebar di serantau Aceh sebanyak Rp 500,000 per tahun untuk setiap orang, program ini sudah bermula sejak tahun 2008. Kemudian biasiswa ini juga diagihkan kepada mahasiswa dari keluarga kurang berkemampuan (asnaf *ibnu sabill*) yang berada dalam kawasan Aceh sebanyak Rp 1,000,000 per tahun untuk setiap orangnya, manakala untuk mahasiswa di luar Aceh diagihkan sebanyak

---

<sup>63</sup> Amrullah (2009), “Pengembangan Kreatifitas Organisasi Pengelola Zakat (Baitul Mal)”, Majalah Baitul Mal Aceh, e. 4/ Disember 2009 – Januari 2010, Banda Aceh: Baitul Mal Aceh, h. 15.

<sup>64</sup> *Ibid.*, h. 16.

- Rp 2,000,000 per tahun untuk setiap orang, termasuk mereka yang berada di luar Negara. Program ini sudah berjalan sejak tahun 2007;
- 4) Bantuan untuk kemudahan rumah ibadah (*asnaf fi sabīl-allāh*) pada kawasan yang mudah terpengaruh oleh agama selain Islam yang penduduk di persekitarannya yang kurang berkemampuan, dengan konsentrasi di kawasan sempadan yang berdekatan dengan rumah ibadah bukan Islam. Sejak tahun 2006 telah dibina tiga buah rumah peribadatan, iaitu di Bandar Subulussalam, Aceh Tenggara dan Aceh Singkil;
  - 5) Bantuan bencana alam, bantuan untuk musafir yang kehabisan bekal dan bantuan kos perubatan untuk orang terbiar yang diambil dari asnaf *gharīmīn*; dan bantuan untuk kos perubatan orang miskin yang diambil dari asnaf miskin.

### **3.3.4 Pengurusan Zakat**

Sebagaimana telah penulis sebutkan sebelum ini, bahawa organisasi rasmi pentadbir zakat yang ditubuhkan oleh Pemerintahan Aceh adalah Baitul Mal yang berada pada peringkat Wilayah, Negeri/Bandar, dan Kampung. Secara organisasi, Baitul Mal tidak bersifat hierarki, kerana pengurusan masing-masing wujud pada semua peringkat dan mempunyai autonomi dan berdikari. Hubungan pengurusan dari organisasi atasan dan bawahan bersifat koordinasi, konsultasi dan maklumat. Khas di Aceh hubungan tersebut lebih terarah kepada sifat membangun, ertiya yang di atas berkewajipan membantu dan mengembangkan yang di bawah.<sup>65</sup>

---

<sup>65</sup> Amrullah (t.t), “Adakah Transparansi Dalam..., op. cit. Artikel on-line, <http://www.baitulmal-aceh.com/file/ARTIKEL/>, 15 Julai 2010.

Pentadbiran zakat di BMA dipisahkan antara pengumpulan dari *muzakki* (*fundraising*) dan pengagihan kepada *mustahik* (penggunaan zakat). Perkhidmatan *muzakki* dilakukan secara langsung datang dan menyerahkan zakatnya ke kaunter BMA, melalui Unit Pengumpul Zakat (UPZ) yang ada pada pejabat-pejabat/perkhidmatan, melalui akaun Bank yang ditunjuk, dan melalui pemotongan gaji (bagi PNS/Kakitangan) yang telah mencapai *nisa'b*.<sup>66</sup>

Mengenai harta-harta yang wajib dikeluarkan zakatnya di Aceh mengikut Kanun Nombor 10 Tahun 2007 adalah terdiri atas zakat fitrah, zakat *mal*, dan zakat penghasilan. Jenis-jenis harta yang wajib dikeluarkan zakatnya adalah emas, perak, logam-logam lain yang bernilai dan wang, perniagaan dan pertubuhan syarikat, perindustrian, pertanian, perkebunan dan perikanan, penternakan, perlombongan, hasil dan perkhidmatan, serta rikaz (harta/khazanah bumi).<sup>67</sup> Sedangkan untuk perkiraan kadar, *nisa'b* dan masa (*haul*) zakat *mal* ditetapkan sebagai berikut<sup>68</sup>:

- 1) Emas, perak, logam-logam yang bernilai dan wang yang telah mencapai *nisa'b* 94 gram emas yang disimpan selama setahun, wajib zakatnya 2.5 peratus per tahun;
- 2) Harta perniagaan, pertubuhan syarikat dan perindustrian yang telah mencapai *nisa'b* 94 gram emas per tahun, wajib dikeluarkan zakatnya sebesar 2.5 peratus dari jumlah keuntungan;
- 3) Hasil pertanian dan perkebunan yang telah mencapai *nisa'b* 5 *wasaq* (besarnya 6 *gunca* padi = 1,200 Kg padi), wajib dikeluarkan zakatnya sebesar 5 peratus untuk setiap penuaian yang dikerjakan secara intensif dan 10 peratus untuk setiap penuaian yang dikerjakan secara tradisional;
- 4) Haiwan ternak kambing atau sejenisnya yang telah mencapai *nisa'b* 40 ekor, wajib dikeluarkan zakatnya sebanyak satu ekor per tahun;
- 5) Haiwan ternak lembu, kerbau atau sejenisnya yang telah mencapai *nisa'b* 30 ekor wajib dikeluarkan zakatnya sebanyak satu ekor per tahun;

---

<sup>66</sup> *Ibid.*

<sup>67</sup> Pemerintah Aceh (2007), *Kanun Aceh Nombor 10 Tahun 2007 tentang Baitul Mal*, Bab IV tentang Zakat, Bahagian Kesatu Kewajipan Zakat, Fasal 18 ayat (1) dan ayat (1).

<sup>68</sup> *Ibid.*, fasal 19 ayat (1).

- 6) Barang lombong yang hasilnya mencapai *nishāb* senilai 94 gram emas, wajib dikeluarkan zakatnya sebesar 2.5 peratus untuk setiap pengeluaran;
- 7) Hasil dan perkhidmatan yang telah mencapai *nishāb* senilai 94 gram emas setahun, wajib dikeluarkan zakatnya sebesar 2.5 peratus; dan
- 8) Rikaz yang telah mencapai *nishāb* senilai 94 gram emas, wajib dikeluarkan zakatnya sebesar 20 peratus untuk setiap penemuan.

Sementara strategi dalam pengagihan zakat diarahkan secara khas kepada lapan asnaf *mustahik*, dengan berpandukan pembahagian peruntukan per asnaf sebagaimana telah ditetapkan dalam Surat Edaran Dewan Syariah No. 01/V/2006 tanggal 1 Mei 2006, iaitu untuk masing-masing asnaf sebagai berikut : fakir 15 peratus, miskin 30 peratus, ‘*amil* 10 peratus, *mu’allaf* 2.5 peratus, *gharimān* 10 peratus, *fi sabīl-allāh* 12.5 peratus dan *Ibnu Sabīl* 20 peratus.<sup>69</sup> Selanjutnya sila rujuk Lampiran G untuk maklumat lengkap mengenai pengurusan zakat di Aceh mengikut Kanun Nombor 10 Tahun 2007.

### **3.3.5 Penubuhan Unit Pengelolaan Zakat Produktif (UPZP)**

Pembentukan unit pentadbiran zakat produktif ini ditubuhkan pada awal Ogos 2006 dengan keputusan Ketua BMA dan operasionalnya langsung berada di bawah arahan Ketua BMA. Pengurus UPZP ini diberikan kuasa untuk menggunakan harta agama tersebut kepada *mustahik* untuk ditadbir sebagai modal usaha. UPZP mempunyai tugas dan fungsi dalam mentadbir zakat secara produktif di BMA, adalah sebagai berikut:<sup>70</sup>

- 1) Melakukan tinjauan kelayakan (*survey*) untuk masing-masing jenis aktiviti perusahaan;
- 2) Menetapkan jenis perusahaan produktif yang layak mendapatkan modal usaha;

---

<sup>69</sup> Amrullah (t.t.), “Adakah Transparansi Dalam..., *op. cit. Artikel on-line*, <http://www.baitulmal-aceh.com/file/ARTIKEL/>, 15 Julai 2010.

<sup>70</sup> Rizky Aulia (2009), *op. cit.*, h. 27.

- 3) Melakukan pengagihan modal usaha;
- 4) Melakukan pengutipan ansuran, pengajian dan bimbingan yang dilakukan setiap bulan;
- 5) Melakukan pemerhatian, pengendalian dan pengawalan;
- 6) Mempersiapkan alat-alat kelengkapan pentadbiran; dan
- 7) Membuat laporan pelaksanaan kegiatan.

Sudah menjadi kewajipan para ‘*amil*’ bahawa zakat tersebut harus ditadbir secara profesional. Perkhidmatan UPZP BMA terhadap para usahawan (*mustahik*) dalam pengagihan modal usaha zakat produktif di BMA merupakan fokus yang utama dalam pembangunan masyarakat miskin. Hal ini seperti tergambar dalam Lampiran G.1 dan Lampiran G.2 mengenai aktiviti harian UPZP BMA. Manakala yang menjadi Visi UPZP BMA adalah ‘Menjadikan penerima modal usaha UPZP dari seorang *mustahik* menjadi *muzakki*’. Manakala yang menjadi Misinya adalah sebagai berikut:

- 1) Membina imej UPZP sebagai institusi zakat yang amanah dan profesional dalam rangka membantu kaum dhuafa dalam memenuhi keperluan hidupnya;
- 2) Menggalakkan kaum dhuafa untuk bekerja bersungguh-sungguh, secara individu ataupun dalam kumpulan usahawan;
- 3) Memberikan bimbingan keagamaan kepada *mustahik* yang menerima bantuan modal usaha, bahwasanya dana tersebut berpunca dari orang-orang kaya yang menunaikan kewajipan mereka dan diagihkan kepada yang berhak agar dapat dimanfaatkan bagi kesejahteraan hidupnya;
- 4) Membimbang dan menunjukkan *mustahik* agar menjadi *muzakki*; dan
- 5) Menanamkan sikap kebersamaan dan berkekalan antara *muzakki*, ‘*amil*’ dan *mustahik*.

### **3.3.6 Struktur Organisasi Baitul Mal Aceh**

Susunan Struktur Organisasi dan tata kerja institusi pelaksana Baitul Mal Aceh Tahun 2011 dapat diuraikan seperti berikut:<sup>71</sup>

- 1) Dalam struktur kepengurusan BMA arah komando tetap daripada setiausaha daerah Aceh;
- 2) Kumpulan Dewan Pertimbangan Syariah yang terdiri dari seorang ketua, naib ketua, setiausaha dan ahli/anggota;
- 3) Badan pelaksana BMA terdiri atas seorang ketua dan seorang ketua setiausaha;
- 4) Ketua setiausaha BMA membawahi seorang bendahari penerimaan dan bendahari pengeluaran dan beberapa ketua bahagian serta ketua sub bahagian lain, iaitu;
  - (a) Ketua bahagian umum membawahi ketua sub bahagian umum dan kepegawaian, serta rumah tangga;
  - (b) Ketua bahagian kewangan membawahi ketua sub bahagian anggaran dan verifikasi;
  - (c) Ketua bahagian persidangan dan risalah membawahi ketua sub bahagian persidangan dan verifikasi;
  - (d) Ketua bahagian hukum dan hubungan umat membawahi ketua sub bahagian hukum dan hubungan umat.
- 5) Badan pelaksana BMA juga mempunyai lima bidang lain iaitu:
  - (a) Bidang pengawasan terdiri dari seorang ketua, bawahnya terdapat dua sub bidang iaitu sub bidang monitor dan ulang kaji, sub bidang pengendalian dan verifikasi serta kaki tangan;

---

<sup>71</sup> Pemerintah Aceh (2011), *Keputusan Gabenor Aceh Nombor 821.29/55/2011 tentang Penunjukan/Pengangkatan Ketua Bidang, Ketua Sub Bidang Pada Baitul Mal Aceh*.

- (b) Bidang pengumpulan terdiri dari seorang ketua, bawahnya terdapat dua sub bidang, iaitu sub bidang inventori dan pengumpulan data serta kaki tangan;
- (c) Bidang pengagihan dan penggunaan terdiri dari seorang ketua, bawahnya terdapat dua sub bidang iaitu sub bidang pengagihan dan penggunaan serta kaki tangan;
- (d) Bidang sosialisasi dan pengembangan terdiri dari seorang ketua, bawahnya terdapat dua sub bidang masing-masing iaitu sub bidang sosialisasi dan sub bidang pengembangan serta kaki tangan; dan
- (e) Bidang Perwalian yang terdiri dari seorang ketua dan di bawahnya terdapat dua sub bidang masing-masing iaitu sub bidang hukum dan advokat, sub bidang pensijilan dan perwalian serta kaki tangan.


Setakat ini BMA sudah mengalami tiga kali pertukaran bahagian pengurusan, pada tempoh 2004 hingga 2005 institusi ini diketuai oleh Yusuf Hasan dan timbalannya adalah Hj. Nurdin Ar. Kemudian pada tempoh berikutnya diketuai oleh Amrullah, dan telah mula memimpin dari tahun 2005, manakala timbalannya tetap dipercayakan kepada Hj. Nurdin Ar. Dan sekarang ini terhitung dari bulan Mac 2011, BMA diketuai oleh Hj. Marthin Desky. Hingga tahun 2009 BMA telah berjaya menujuhkan Baitul Mal Negeri dan Bandar di serantau Aceh dan telah memiliki 51 UPZ<sup>72</sup> pada tahun 2009 yang tersebar di beberapa institusi kerajaan, syarikat swasta, perbankan, universiti dan sekolah/ madrasah, sama ada yang berada di dalam kawasan negeri Aceh maupun luar Aceh.<sup>73</sup> Di bawah ini digambarkan carta organisasi dan tata kerja institusi pelaksana Baitul Mal Aceh.

---

<sup>72</sup> Baitul Mal Aceh (2009), “Laporan Penerimaan Zakat Tahun 2009”, Sub Bidang Penerimaan Zakat Baitul Mal Aceh, h. 3.

<sup>73</sup> Sayed Muhammad Husen, Kepala Bidang Penerimaan Zakat Baitul Mal Aceh. Temu bual *on-line* pada 28 September 2010 via jaringan sosial Facebook.

**Carta 3.1: Struktur Organisasi dan Tata Kerja Institusi Pelaksana Baitul Mal Aceh Tahun 2011**



Keterangan:

\_\_\_\_\_ : Garis Komando  
 ..... : Garis Koordinasi

### 3.4 Kesimpulan

Kedudukan wilayah dan keluasannya, kawasan Aceh memiliki potensi yang besar untuk mengembangkan pelbagai sumber asli, dengan kata lain Aceh mempunyai sumber asli melimpah yang masih belum digunakan. Sumber asli tersebut dapat meningkatkan kesejahteraan masyarakatnya yang berada di bawah garis kemiskinan.

Aceh adalah wilayah terkaya ketiga dari segi pendapatan per kapita setelah Papua dan Kalimantan Timur, namun pada satu sisi yang sama juga merupakan wilayah ke empat termiskin di Indonesia. Sebagaimana dimaklumi setelah gempa dan tsunami pada 2004 yang lalu, ramai masyarakat Aceh berada dalam kemiskinan, keadaan tersebut beransur pulih dengan mengalirnya sejumlah dana dari kerajaan pusat dan masyarakat internasional. Jumlah dana yang mengalir dijangka mencapai US\$ 3.1 bilion untuk program pemulihan dan pembinaan semula. Dengan kekayaan sumber pendapatan ini, Aceh memiliki kesempatan untuk mengurangi tingkat kemiskinan dan pengangguran.

Penggubalan Undang-undang Pemerintahan Aceh (UUPA Nombor 11 Tahun 2006) telah membuka peluang untuk membangunkan Aceh dengan lebih baik. Undang-undang ini telah memberikan pelbagai kemudahan untuk mengatur dan mentadbir sistem pemerintahan sendiri termasuk pentadbiran zakat. Pentadbiran zakat di Aceh mempunyai peranan dan posisi yang sangat istimewa dalam Kerajaan Aceh. Zakat di Aceh merupakan salah satu sumber pendapatan daerah dan zakat harta wakaf dan harta agama di tadbir oleh institusi Baitul Mal. Selain itu, pembayaran zakat di Aceh diiktiraf sama dengan cukai, yang kedua-duanya merupakan sumber pendapatan daerah yang dipergunakan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dalam bentuk yang berbeza. Untuk itu, pelaksanaan zakat di Aceh mempunyai prospek yang cukup menggembirakan, di mana selain mempunyai sumber asli yang cukup, sistem pemerintahan yang khas dan majoriti penduduknya beragama Islam serta kesedaran masyarakat untuk berzakat semakin tinggi, maka hasil pungutan zakat pun akan meningkat. Kewujudan Baitul Mal di Aceh dengan sistem pentadbiran dan penggunaan zakat yang baik, semestinya misi untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan ekonomi masyarakat khasnya kaum dhuafa dapat dilaksanakan dengan baik.